

Cinta SPM

Fatin Munirah binti Ismail

Langit yang dikelilingi bintang-bintang menarik perhatian Amin yang sedang gelisah. Dia sedang menunggu sesuatu. Pandangannya dialihkan ke arah langit malam yang cerah. Serta-merta kenangan lama terakam semula di mindanya. Peristiwa itulah yang telah menjadikannya seperti sekarang. Dia tersenyum.

”Hai, apa nama awak?” Amin memulakan bicara.

Gadis yang duduk disebelahnya menoleh ke arahnya. Pandangannya tertumpu ke arah Amin yang sedang tersengih. Tanpa sebarang kata-kata, dia memandang ke hadapan semula. Perbuatan spontan gadis itu mengejutkan Amin. Dia menyangka gadis itu menjawab pertanyaannya.

”Hish, sombong betul. Orang Tanya nama je. Buka nak mengurat awak pun.” kata-kata sindiran itu dilontarkan oleh Amin.

Merah padam muka gadis itu. Dia menahan malu. Sebenarnya, dia sedang mengantuk. Jadi ‘mood’nya hilang untuk melayan sesiapa. Lagi pula, sedang ceramah sekarang.

”Hmm... lantaklah orang ni nak cakap apa pun. Orang tengah mengantuk ni. Lebih baik tidur je.” Selepas beberapa minit, kepalanya mula terhuyung-hayang ke kiri dan ke kanan. Mengantuknya tidak dapat di tahan-tahan. Amin tersenyum sahaj tatkala gadis di sebelahnya melentokkan kepala ke bahu Amin.

Agak lama juga gadis itu tertidur, dia tersedar apabila dikejutkan. Kelihatan Amin sedang tersengih menyindir ke arahnya. Cepat-cepat gadis itu membuat reaksi biasa. Rupa-rupanya dia tertidur sehingga habis ceramah. Mungkin bahu Amin terasa selesa. seperti orang mengantuk disorongkan bantal, dia tertidur dengan nyenyak.

“Alamak, tertidur pula. Dah tak dapat dengar ceramah tadi. Tidur dekat bah budak ni pulak.” Gadis itu bermonolog sendiri. Dia menyumpah-nyumpah kerana tak dapat mendengar ceramah. Di tambah pula dengan peristiwa memalukan tadi.

Gadis itu pulang ke rumah dengan berjalan kaki. Selalunya, abang yang menjemputnya. Tetapi hari ini, dia sibuk. Jadi, terpaksa gadis itu berjalan kaki berseorangan. Dia berkhayal.

Tanpa disedari, sebuah kereta memandu laju dari arah belakang. Amin yang memang ada di kawasan itu menarik gadis itu dengan kuat ke tepi jalan. Dia tersungkur. Jantungnya seperti hendak pecah. Dia mendongak. Apabila terpandang wajah Amin, dia mula melenting.

“Apa yang awak buat ni? Tiba-tiba je tarik orang! Nasib baik saya tak ada sakit jantung tau! Kalau tidak, awak kena jumpa keluarga saya. Taulah awak macam mana nak jawab dengan mereka.” gadis itu mula marah.

”Ehem, jumpa keluarga awak? Boleh juga tu. Saya pun teringin. Nasib baik awak dah pelawa.” Gurau Amin .

Gadis itu menahan marah. Dia terasa dirinya dipermainkan.

“Siapa yang suruh awak berkahayal semasa berjalan tadi? Dah tau tengah berjalan di jalan raya, pandai-pandailah jaga diri. Kenapa awak mesti nak berjalan ditengah-tengah jalan raya.? Bukankah sudah ada ruang untuk pejalan kaki. Nasib baik ada hero selamatkan awak. Kalau tidak, keluarga awak dah gali tanah untuk awak agaknya.” Sindir Amin lagi. Dia terus berlalu meninggalkan gadis itu terpinga-pinga.

Barulah gadis itu faham. Dia tidak sedar dirinya diperhatikan. Dia menarik nafas lega. Bersalah pula keran menuduh budak lelaki itu tanpa usul periksa.

“Esok ajalah aku minta maaf.” hanya itu yang mampu difikirkan.

Keesokan harinya, gadis itu pergi ke sekolah dengan wajah yang ceria seperti selalunya. Sememangnya gadis itu seorang yang periang dan lincah. Namun, disebabkan dia pelajar baru di sini, kawannya tidak ramai. Dia menuju ke kelas. Mengambil sesuatu dari dalam beg dan keluar. Tiba-tiba dia ternampak kelibat seseorang. Dia mengecam wajah itu.

“Hmm... inilah masa yang sesuai!” kata gadis itu.

Dia berjalan dengan cepat menuju ke arah Amin yang sedang mengambil tempat di kantin. Dengan selamba, gadis itu duduk di hadapannya sambil tersenyum memaparkan barisan giginya yang putih. Dia menyapa Amin yang baru sampai.

“Assalamualaikum. Boleh saya duduk di sini?” Gadis itu memulakan kata-kata. Amin sekadar mengangguk.

”Saya nak minta maaf pasal semalam. Sepatutnya saya tidak berkasar dengan awak. Mungkin semalam mood saya tidak berapa baik. Abang saya tak jemput saya dari sekolah. Jado terpaksalah saya berjalan kaki. Terima kasih kerana menyelamatkan saya.” Tanpa dipinta, gadis itu bercerita.

Amin yang mendengar hanya mengangguk dan tersenyum. Sememangnya dia seorang yang pemaaf.

“Eh, awak tak marah ke? Macam kelakar je.” Gadis itu tertawa. Amin hanya memerhatikan sahaja. Lagaknya seperti patung. Dia hanya membatukan diri. Gadis itu terhenti dari tawanya. Dia menoleh ke arah Amin yang asyik memandangnya. Dia menghulurkan salam perkenalan.

”Saya Haryani. Awak boleh panggil saya Yani.” Gadis itu memperkenalkan diri. Hulurannya disambut mesra.

“Amin, Ahmad Amin bin Zulkarnain.” Amin membalas. Yani mengangguk. Dia seperti pernah mendengar nama itu. Dia berfikir sejenak.

“Oh, awaklah budak yang selalu pelajar kelas saya sebut! Kacak, pandai, baik hati.. entah, macam-macam lagilah.” Yani tersenyum lagi. Amin yang mendengar tidak terkejut. Dai sudah biasa dipuji begitu. Amin memang seorang yang pintar. Selalunya, nama Aminlah yang tersenarai sebagai pelajar terbaik. Dia bijak, aktif, dan kacak pula. Ramai pelajar perempuan

yang tergila-gilakannya. Dia tersenyum sendiri. Yani yang melihat Amin tersenyum sendiri menyindir.

“Kenapa awak suka senyum sendiri? Tersengih-sengih macam kerang busuk!”

“Saya memang selalu senyum. Sebab itu ramai budak perempuan mengurat saya. Saya tidak pula pernah mengurat orang lain.” Sindir Amin pula. Yani yang mendengar kata-kata itu terkesima. Dia rasa tersindir. Teringat pula kejadian semalam. Cepat-cepat dia mematikan lamunannya.

Yani mengeluarkan sesuatu dari poketnya.

”Ambillah, tanda terima kasih.” Coklat dan ‘key-chain’ itu dihulurkan pada Amin. Amin menyambut huluran itu. Dia membelek seketika.

”Terima kasih.” ucap Amin. Tidak disangka pula pertolongan semalam mendapat ganjaran.

Pada pertemuan pertama ini, mereka sudah mulai mesra. Mereka memperkenalkan diri dan berbual sehinggalah waktu perhimpunan bermula.

”Boleh saya belajar dengan awak?” tanya Yani selepas lama mereka berkenalan. Dia bukanlah seorang yang terlalu pandai. Jadi dia mengambil peluang ini untuk belajar bersama-sama Amin.

“Boleh, petang ni saya tunggu awak kat Mutiara.” Amin menjawab. Mutiara adalah gelaran khas yang diberikan kepada satu kawasan khas untuk mengulangkaji pelajaran.

“Baiklah.” Yani pantas bersetuju.

Seperti yang dijanjikan, mereka bertemu selepas waktu persekolahan. Yani yang terlewat 15 minit terkocoh-kocoh mendapatkan Amin yang sedang menunggunya dengan muka yang serius. Yani yang menyedarinya meminta maaf.

”Awak yang nak belajar atau saya? Kenapa lewat?” Tegur Amin. Yani hanya tersengih.

”Minta maaf. Tadi saya terlajak berbual dengan Nora.” Hanya itulah alasan yang boleh diberikan kepada lelaki kacak di hadapannya. Sesekali gembira juga dapat menatap muka serius lelaki itu. Yani membuat muka kasihan. Memang itulah muka yang selalu dibuat jika hendak meminta simpati Amin.

”Yalah, yalah, dah faham dah kalau Yani buat muka macam tu.” Sungut Amin

”Yes!” Yani bersorak. Berjaya juga dia akhirnya merai simpati Amin.

”Marilah kita mula! Nanti lambat pula.” Kata Amin. Yani hanya mengangguk bersetuju.

Boleh dikatakan saban hari mereka mengulangkaji bersama. Biasanya mereka akan pulang lewat dan berjalan beriringan ke rumah masing-masing. Semua pelajar sudah maklum akan keakraban mereka. Seperti belangkas, mereka sentiasa bersama-sama ke mana-mana. Pada musim cuti, perbincangan masih diteruskan sama ada di rumah Amin atau Yani. Ibu bapa mereka sudah tahu dan memahami hubungan mereka.

Memandangkan SPM semakin hampir, mereka bertungkus-lumus memerah otak. Tanpa disangka,

keputusan Yani meningkat secara mendadak dalam pemeriksaan percubaan yang kedua. Dia sangat gembira.

Suatu hari, Amin meluahkan rasa hatinya kepada Yani. Dia berterus terang kepada Yani tentang perasaannya.

“Awak nak tahu sesuatu tak?” tanya Amin dengan muka yang serius.

“Apa dia? Jangan buat muka serius macam tu boleh tak? Macam budak-budak je.” Yani mencerikan suasana. Amin terdiam. Dia berfikir sejenak.

“Saya takut apa yang saya akan cakapkan ini mengganggu pelajaran kita. Memandangkan keputusan awak semakin stabil sekarang.” Jelas Amin.

”Itukan sebab awak yang mengajar saya. Kalau tak, mesti tak jadi macam ni kan? Apa yang awak cuba cakap sebenarnya?” Giliran Yani pula membuat muka serius. Pelik benar Yani melihat gelagat Amin pada hari ini. Tidak pernah dia seserius begini sepanjang perkenalan mereka.

”Saya tertarik melihat awak pada kali pertama. Saya cuba dekati awak pada mulanya. Tapi nampak macam sombong je.” Amin berlawak.

”Rupa-rupanya tidak. Awak gadis yang periang, baik dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi.”

”Sifat awak mengajar saya untuk menjadi seorang yang lebih yakin pada diri sendiri. Saya harap hubungan kita berkekalan.” Amin menerangkan dengan panjang lebar. Yani hanya tersenyum mendengar. Fahamlah Yani bahawa hubungan mereka bukan sekadar kawan, tetapi lebih daripada itu. Dia senang dengan lelaki itu.

”Hmm... saya pun harap begitu. Sebelum itu, kita mesti mencapai matlamat dahulu. Jangan terlalu memikirkannya. Takut mengganggu pula.” Tegur Yani.

Amin mengangguk. Dia bersetuju dengan Yani. Dia tenang apabila mendengar kata-kata Yani sebentar tadi. Tidak disangka dia tidak bertepuk sebelah tangan. Hatinya berbunga riang. Namun, sebelum itu, dia mahu mencapai misinya sebelum memiliki Yani. Itulah tekadnya.

Hari berganti hari. Bulan berganti bulan. Akhirnya, mereka menduduki peperiksaan. Sebelum menjelang peperiksaan, mereka banyak berdoa dan memberi dorongan antara satu sama lain.

”Yani, buat betul-betul tau! Jangan lupa janji kita!” Amin bersemangat.

”Terima kasih atas pertolongan awak selama ini. Saya harap saya boleh buat yang terbaik untuk SPM ini.” Yani tersenyum lebar.

Senyuman itulah yang mengingatkan Amin kepada Yani sekarang. Tidak disangka, dalam mereka bercinta, dapat juga keputusan yang membanggakan sekolah. ”Bercinta dalam SPM”. Itulah tajuk akhbar yang disiarkan pada 4 tahun yang lalu. Kisah mereka bercinta semasa persekolahan dan keputusan paling cemerlang dalam sekolah menarik perhatian media. Yani dan Amin sama-sama bercerita tentang perjalanan hidup mereka sepanjang tingkatan 5. Ramai yang tidak percaya bercinta di alam persekolahan boleh berakhir begitu.

Tapi, inilah takdirnya. Amin dan Yani mendapat tempat dalam senarai pelajar cemerlang SPM tahun 2000.

”Alangkah bagusnya jika dapat berjumpa Yani sekarang.” Hati Amin berbisik sendirian. Terasa rindu mengahmbat jiwanya. Dia kesepian kerana Yani jauh daripadanya yang kini menuntut dia salah sebuah universiti terkenal di India. Mereka sama-sama mengambil jurusan perubatan. Manakala Amin ditempatkan di Ireland. Sudah tiga tahun mereka terpisah oleh sempadan dunia. Namun, kesetiaan pada Yani masuk utuh dalam jiwanya. Dia terlalu menyayangi gadis itu. Diharap hubungan mereka berkekalan. Tiba-tiba, telefon bimbitnya berbunyi. Itulah panggilan yang ditunggu-tunggu dan dirindu. Serta-merta lamunannya terhenti. Amin tersenyum sendiri melihat nama yang tertera di skrin. Yani!.